

02/03/2001

SPP: Persekutuan Majikan diberi tempoh dua bulan

KUALA LUMPUR, Khamis - Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) diberi tempoh dua bulan untuk memberi maklum balas muktamad berhubung cadangan penubuhan Tabung Pemberhentian Pekerja di bawah Skim Penamatan Perkhidmatan (SPP).

Ia diputuskan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn selepas mengadakan pertemuan dengan MEF, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia (Mapa) dan Gabungan Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) di pejabatnya di sini, hari ini.

Katanya, tempoh dua bulan diberi bagi membolehkan MEF mengkaji pelbagai aspek sebelum membuat keputusan muktamad.

Bagaimanapun, katanya, sekiranya MEF masih gagal mencapai kata sepakat sama ada mahu melaksanakannya atau tidak, kementerianya tetap akan mengambil tindakan susulan bagi menjaga kebajikan pekerja tempatan yang diberhentikan.

"MEF meminta tempoh dua bulan untuk mengkaji cadangan penubuhan tabung itu dari pelbagai aspek termasuk kemungkinan meningkatnya kos operasi syarikat.

"Sekiranya masih tiada persetujuan, kementerian akan mengambil langkah susulan yang bertujuan mewujudkan satu sistem supaya pekerja yang diberhentikan merasa selamat dan tidak dieksploitasi," katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan bersedia melaksanakan SPP untuk membantu pekerja yang diberhentikan oleh syarikat yang menghadapi masalah bagi mendapatkan pampasan sewajarnya, jika dipersetujui majikan yang diwakili MEF.

Dr Mahathir berkata, jika majikan tidak bersetuju dengan cadangan MTUC menubuhkan tabung yang mana setiap pekerja akan menyumbang RM1 dan RM1 lagi sumbangan majikan, MEF perlu mengemukakan cadangan sendiri.

MEF sebelum ini pernah menolak SPP dengan alasan skim itu bukan saja meningkatkan perbelanjaan operasi malah tidak memberi keadilan kepada syarikat yang diuruskan dengan baik.

(END)